

**BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**SYARAT/PERATURAN PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM),
PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA.**

1. Calon yang ingin memohon semakan semula keputusan peperiksaan hendaklah melengkapkan borang **Permohonan Semak Semula Keputusan Peperiksaan BMKPM/SS/PSPM** yang boleh diperolehi di kolej (www.kmkn.edu.my) atau di laman web di alamat www.moe.gov.my/bmkpm atau di pejabat Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia di Putrajaya.
2. Permohonan Semak Semula Keputusan Peperiksaan **BMKPM/SS/PSPM** perlu diisi dalam **2 salinan**.
3. Setiap mata pelajaran yang hendak disemak semula dikenakan bayaran. Kadar bayarannya adalah seperti yang tertera pada borang permohonan semak semula **BMKPM/SS/PSPM**.
4. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos dan Bank Draf** sahaja atas nama **Pengarah Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia.** Bayaran dalam bentuk **tunai dan cek peribadi** tidak akan diterima.
5. Borang permohonan yang lengkap beserta bayaran yang mencukupi mestilah sampai ke Bahagian Matrikulasi dalam tempoh **dua (2) minggu** selepas keputusan peperiksaan diumumkan.
6. Borang permohonan yang **tidak lengkap** (maklumat tidak lengkap/bayaran tidak mencukupi/dan lain-lain) **tidak akan diproses** dan akan **dikembalikan** kepada pemohon.
7. Sebarang permohonan selepas daripada tarikh tutup **tidak akan dilayan**.
8. Keputusan permohonan semakan semula keputusan peperiksaan akan diumumkan dalam tempoh **2 minggu selepas tarikh tutup.**
9. Keputusan semakan semula yang diumumkan adalah **muktamad.**